



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS : (A)100-4/10(91)

Tarikh : 15 November 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 14 TAHUN 2016 SURAT AKUAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penguatkuasaan penggunaan Sistem Pergerakan Gaji Tahunan dalam memperakukan kenaikan gaji tahunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Sistem Pergerakan Gaji Tahunan telah dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri sejak tahun 2005. Walau bagaimanapun, sebilangan besar Jabatan Kerajaan Negeri tidak mengaplikasikan kemudahan ini sebaliknya masih menggunakan Surat Akuan Pergerakan Gaji Tahunan JPAN (SP). G1 (Pin. GEN.4) dalam memperakukan kenaikan gaji tahunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri di Jabatan masing-masing.

PENGUATKUASAAN

3. Jabatan Bendahari Negeri Sabah dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri sedang dalam usaha menambahbaik sistem pembayaran saraan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri ke arah sistem berkomputer sepenuhnya (fully-computerized). Bagi merealisasikan misi ini, penguatkuasaan penggunaan sepenuhnya Sistem Pergerakan Gaji Tahunan dalam memperakukan kenaikan gaji tahunan pegawai perlu dilaksanakan.

4. Sehubungan itu, perakuan pergerakan gaji tahunan pegawai hendaklah disokong dengan Surat Akuan Pergerakan Gaji Tahunan yang dicetak melalui Sistem Pergerakan Gaji Tahunan apabila menghantar input ke Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri Sabah. Perakuan pergerakan gaji tahunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak disokong dengan Surat Akuan Pergerakan Gaji Tahunan melalui Sistem Pergerakan Gaji Tahunan tidak akan diproses.

PEMAKAIAN

5. Peraturan pekeling ini adalah meliputi semua Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeling ini berkuatkuasa mulai input bulan Januari 2017.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”


(CHAI NGET NGO)
Bendahari Negeri

JL/NBA/jet

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)